




MOHD HATEL HASHIM



Tanaman tomato

secara fertigasi di tanah terbiar

OLEH **KHAIRUNNISA SULAIMAN**
 GAMBAR **RASHID MAHFOD**



YUSZHARI MOHD. YUSOFF (kanan) menunjukkan polibeg yang digunakan untuk tanaman tomato.

TANAH yang terbiar jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh tentu saja akan mendatangkan hasil yang lumayan.

Atas kesedaran itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak Setia, Yuzahari Mohd Yusoff dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengaliran dan Saliran mengambil langkah membangunkan tanah rezab di tebing Sungai Gombak.

Projek sulung telah dimulakan di kawasan tanah yang dijadikan kawasan pembuangan sampah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Yuzahari berkata, perancangan projek tanaman tomato hibrid 1039 telah dimulakan pada awal 2006 dan semaian dimulakan pada 2 Mei baru-baru ini.

Projek berkenaan bermula dengan perbincangan antara Jabatan Parit dan Saliran (JPS) Gombak dan Jabatan Pertanian Daerah Gombak/Petaling.

"Hasil perbincangan JPS bersetuju mengeluarkan peruntukan membina dan menyiapkan lapan unit rumah pelindung hujan, dua stor dan peralatan sistem pengairan titis," katanya.


JPS telah membina setiap satu rumah perlindungan hujan yang ber-

ukuran 6 meter lebar dan 27.4 kaki panjang. Sementara Jabatan Pertanian pula menyumbang dalam pemindahan ilmu teknologi pertanian moden bagi sistem fertigasi tomato di mana semua baja dan air dialirkan ke dalam polibeg dengan lebih mudah.

Selepas perbincangan yang diadakan awal tahun ini, Yuzahari serta JPS dan JP mencari calon yang berkelayakan bagi melaksanakan projek yang akan dijalankan.

"Kami memilih Mohd Hatel Hashim sebagai pengusaha kerana semangat jati diri yang ada padanya selain mempunyai minat yang mendalam dalam projek tanaman tomato," katanya.

Jurutera JPS Gombak Tanah, Mohd. Nazri Yamin berkata, pihak JPS telah meluluskan seluas



POLIBEG yang sedia untuk disemai dengan anak pokok tomato.